

Peranan MUI dan Metodologi Istinbat Fatwa dalam Undang-Undang Perbankan Syariah di Indonesia

(The Role of MUI and Methodology of Istinbat Fatwa in Indonesian Banking Law)

Ahmad Hidayat Buang
(Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya)
M. Cholil Nafis
(Pusat Studi Timur Tengah, Universitas Indonesia)

ABSTRAK

Sejak penubuhan perbankan Islam di Indonesia, badan yang bertanggungjawab mengawasi aspek kepatuhan Syariah adalah Majlis Ulama Indonesia (MUI), iaitu sebuah badan bukan kerajaan yang diberi pengiktirafan oleh kerajaan Indonesia dalam aspek agama Islam melalui peruntukan undang-undang No.21/2008 Tentang Perbankan Syariah. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan yang dimainkan oleh MUI dalam konteks undang-undang yang baharu ini dan metodologi istinbat fatwa yang digunakan dalam pengeluaran fatwa. Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah bersifat kajian perpustakaan yang menggunakan analisis kandungan terhadap bahan-bahan bacaan serta peruntukan undang-undang berkaitan. Analisis merangkumi perbandingan ringkas dengan amalan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Artikel ini bersifat eksplorasi dan mempunyai kepentingan dari aspek amalan semasa sistem perbankan Syariah di mana institusi agama seperti yang diamalkan di Indonesia mempunyai peranan langsung dalam penggubalan perundangan dan penyelesaian pertikaian perbankan Syariah.

ABSTRACT

Since Islamic Banking was introduced in Indonesia, Indonesian Islamic Scholars Council (MUI) has been the body that is responsible to supervise the aspects of Sharia compliance. MUI is a non-governmental organization that has been mandated by the Indonesian government with the aspect of Islamic religion through the provision of Law No.21/2008 on Sharia Banking. This article aims to analyze the role played by MUI in the context of the new laws and methods used in the issuance of the fatwa. The research methodology used in this article is a library research with the employment of content analysis on related reading materials and provisions of the relevant laws. Analysis includes a brief comparison with the practice of Islamic banking and finance in Malaysia. This article is exploratory in nature and therefore has a certain relevancy to the current practice of Islamic banking where Islamic institutions as practiced in Indonesia are directly involved in the promulgation of syariah banking legislation and dispute resolution.

Kata Kunci : Perbankan Islam; Kewangan Islam; Peraturan Perbankan Indonesia

PENDAHULUAN

Kemunculan perbankan Islam, yang lebih dikenali sebagai perbankan syariah di Indonesia agak lewat berbanding dengan negara-negara Islam yang lain sungguhpun Indonesia merupakan sebuah negara majoriti Islam yang terbesar di dunia iaitu dengan lebih 80 peratus beragama Islam daripada jumlah penduduk seramai 200 juta. Para pengkaji memberi beberapa sebab kepada kelewatan ini. Antaranya adalah dasar sekular negara berkenaan dan tafsiran Islam yang agak liberal terhadap perkara yang bersangkutan dengan muamalah Islam (Vernados 2006).¹ Ada juga yang berpendapat halangan perundangan iaitu sistem undang-undang kontinental seperti yang diamalkan di Indonesia tidak kondusif kepada sistem perbankan Islam moden (Mukherjee 2008). Perbankan syariah mula beroperasi

di Indonesia secara tidak langsung melalui penggubalan undang-undang No.10/1992 yang memperuntukkan bahawa bank konvensional boleh menawarkan produk perbankan berasaskan perkongsian untung rugi atau dikenali di Indonesia sebagai beroperasi dengan sistem "bagi hasil". Penggubalan undang-undang ini adalah hasil resolusi persidangan Majlis Ulama Indonesia yang pada tahun 1990.

Apabila berlaku era reformasi, undang-undang No.10/1992 ini telah dipinda oleh undang-undang No.7/1998 yang mengandungi peruntukan yang lebih terperinci dan langsung mengenai perbankan syariah. Undang-undang pindaan ini telah merencanakan lagi pertumbuhan bank-bank Islam atau syariah di Indonesia dalam milenium baru dengan kemunculan kaunter-kaunter perbankan Islam di bank-bank konvensional

atau apa yang dikenali sebagai Unit Usaha Syariah bank berkenaan (Vernados 2006). Pada tahun 2008 dua undang-undang yang lebih jelas mengenai perbankan syariah diperkenalkan di Indonesia bagi menggantikan undang-undang tahun 1998 iaitu undang-undang No.21/2008 berkenaan Perbankan Syariah dan undang-undang No.19/2008 berkenaan Surat Berharga Syariah Negara. Satu peraturan Mahkamah Agung Indonesia No.2/2008 berkenaan Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah yang digunakan oleh Pengadilan Agama juga diperkenalkan pada tahun yang sama.

Perbankan syariah di Indonesia sebagaimana dalam sistem perbankan Islam di negara-negara lain memerlukan panduan hukum Islam atau Syariah dalam kegiatan dan operasi perbankan dan kewangan. Ini adalah untuk memastikan supaya semua kegiatan dan operasi selaras dengan kehendak hukum syariah. Kawalan atau pengawasan ini dilakukan melalui penubuhan majlis atau jawatankuasa penasihat atau pengawasan syariah bank atau institusi kewangan Islam berkenaan. Di Indonesia perkara yang sama juga berlaku di mana terdapat jawatankuasa syariah di peringkat institusi kewangan berkenaan yang dikenali sebagai Dewan Pengawasan Syariah. Di samping itu, sebagaimana di Malaysia terdapat satu badan di peringkat nasional yang menyelia dan mengawasi kegiatan perbankan dan kewangan syariah. Badan ini dikenali dengan Dewan Syariah Nasional (DSN) yang ditubuhkan pada tahun 1997 dan merupakan sebuah badan bersifat otonomi di bawah Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang dipimpin oleh Ketua Umum MUI dan Sekretaris Umum (sebagai *ex-officio*). MUI adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan di bawah restu kerajaan Indonesia. Ia juga merupakan sebuah badan yang menggabungkan organisasi agama Islam di Indonesia. Kegiatan harian DSN dijalankan oleh Badan Pelaksana Harian dengan seorang ketua dan setiausaha serta beberapa anggota (Muhammad Syafi'i 2001). Keahlian dalam Dewan ini ditentukan melalui Surat Keputusan Majelis Ulama Indonesia (DSN) No. Kep-487/MUI/IX/2010 yang menetapkan jumlah anggota Dewan Syariah Nasional seramai 66 anggota. Tiada penetapan khusus yang tertulis mengenai kelayakan untuk menjadi ahli Dewan, namun secara umumnya ada tiga kriteria yang digunakan iaitu seseorang itu bertaraf ulama, mempunyai kelayakan akademik dalam bidang syariah dan pengalaman secara praktis dalam ekonomi Islam.

Undang-undang perbankan syariah di Indonesia mensyaratkan supaya semua undang-undang dan produk perbankan serta kewangan mendapat kelulusan atau perakuan daripada MUI. Hal ini kerana MUI sebuah badan fatwa yang berfungsi mengeluarkan fatwa bukan sahaja dalam aspek kewangan bahkan juga dalam aspek-aspek yang lain agama Islam. Fungsi MUI memberi fatwa ini telah diiktiraf oleh kerajaan Indonesia sejak dari tahun 1975 lagi (Mohammad Atho 1993). Undang-undang perbankan syariah di Indonesia dengan ini memperkuat lagi amalan yang sedia ada dengan

membuat peruntukan secara khusus kepada MUI untuk mengeluarkan fatwa yang berkaitan dengan perkara kewangan dan perbankan Islam. Keadaan ini berbeza di Malaysia yang mana Majlis Fatwa sama ada di peringkat Kebangsaan mahupun negeri yang bertindak sebagai badan rasmi fatwa tidak mempunyai peranan dalam mengawasi kegiatan dan operasi bank (Ahmad Hidayat 2004). Persoalan mengenai perbankan dan kewangan Islam di Malaysia diselia dan diawasi oleh Majlis Kebangsaan Penasihat Syariah Bagi Perbankan Islam dan Takaful yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara 2009 melalui seksyen 51-56 (Zulkifli 2010). Tujuan artikel ini adalah untuk membincang dan menganalisis peranan DSN-MUI dalam mengeluarkan fatwa berkaitan perkara muamalat dan juga metodologi yang digunakan untuk mengeluarkan fatwa.

METODOLOGI FATWA DEWAN SYARIAH NASIONAL MUI

Metodologi pengeluaran atau penetapan fatwa yang digunakan oleh Dewan Pengawasan Syariah adalah menggunakan kaedah Jawatankuasa Fatwa Majelis Ulama Indonesia (atau yang dikenali sebagai Komisi Fatwa (*Fatwa Committee*) sebagaimana yang digariskan dalam Pedoman dan Prosedur Penetapan Fatwa Majelis Ulama Indonesia 2000. Menurut Pedoman dan Prosedur ini setiap masalah yang dibahas oleh Jawatankuasa Fatwa (termasuk fatwa tentang ekonomi Syariah) haruslah berdasarkan kepada sumber Syariah yang empat iaitu al-Qur'an, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Namun begitu sebelum memutuskan fatwa terhadap sesuatu masalah yang dikemukakan kepadanya, pendapat para Imam mazhab hendaklah ditinjau terlebih dahulu secara saksama terutama dengan memberi penilaian kepada dalil-dalilnya. Jika dalam masalah berkenaan berlaku perbezaan pandangan atau *khilaf* antara mazhab maka fatwa harus diputuskan sebagaimana berikut:

1. Berasaskan kepada titik persamaan antara mazhab dengan mengadakan kompromi dan penyesuaian atau *al-jam' wa al-tawfiq*, atau
2. Jika kaedah di atas tidak dapat dilakukan pilihan dibuat kepada pandangan yang lebih kuat yakni melalui kaedah *tarjih* mengikut kaedah perbandingan mazhab.

Dalam perbincangan *Usul al-Fiqh*, kedua-dua kaedah di atas digunakan apabila terdapat pertentangan antara dalil secara zahirnya atau apa yang dikenali sebagai *ta'arud al-adillah*.¹ Apabila berlaku pertentangan, maka pengharmonian perlu dilakukan melalui kaedah ini seperti dengan melihat apakah terdapat hukum *nasakh* atau apakah terdapat unsur *majazi* (metafor) pada makna dalil-dalil berkenaan yang boleh dipersetujui oleh kedua-duanya (Muhammad Khudari 1938). Namun begitu dalam konteks metodologi fatwa MUI kaedah ini diperluaskan

penggunaannya bagi membandingkan fatwa-fatwa antara mazhab untuk memilih pandangan yang lebih kuat dari segi dalilnya. Sungguhpun kesan daripada penggunaan pendekatan ini dari segi amalannya boleh menyebabkan pandangan mazhab tertentu dikesampingkan, namun pihak MUI didapati berhati-hati untuk tidak menyatakan sedemikian. Amalan mencari kekuatan dalil tanpa mengira mazhab ini bermula sejak pada permulaan kurun ke-20 masihi lagi. Sebagai contoh, Muhammad Rasyid (1960: 1935) semasa membahaskan larangan riba dalam urusan muamalah telah membahaskan persoalan ini dengan membuat kajian perbandingan antara fatwa-fatwa ulama lama dengan baharu yang mana akhirnya beliau membuat rumusan berasaskan kekuatan dalil yang berbeza dengan pandangan atau fatwa dalam mazhab. Pendekatan ini diubah secara yang lebih sistematik oleh beberapa orang ulama selepas itu. Contohnya, Yusuf al-Qaradawi (1981) melalui apa yang diistilahkan sebagai *al-Tamhis wa al-Tarjih* berasaskan kepada pengambilan hukum daripada (1) nas-nas yang umum, (2) *ijma'* yang dipercayai, (3) kaedah qiyas yang tepat dan mengambil perhatian kepada *maqasid* dan *masalih*.

Sekiranya dalam sesuatu masalah tertentu tidak dapat dijumpai pendapat hukum dalam mazhab seperti di atas, penetapan fatwa didasarkan pada hasil *ijtihad jama'i* (kolektif) melalui kaedah *bayani*, *ta'lili* (*qiyas*, *istihsan* dan *ilhaqi*), *istislahi* dan *sadd al-dhara'i'*. Dalam memutuskan sesuatu fatwa berasaskan kepada kaedah di atas, Jawatankuasa Fatwa hendaklah sentiasa memperhatikan kemaslahatan umum (*maslahah 'ammah*) dan tujuan Syariah (*maqasid al-syariah*). Penggunaan kaedah ini walaupun dinyatakan sebagai *ijtihad* tidaklah bermaksud tafsiran baru kepada nas-nas syariah terutamanya yang dipersetujui secara *ijma'*. Ini memandangkan fatwa-fatwa MUI didapati masih berasaskan kepada pandangan-pandangan dalam mazhab. Apa yang dimaksudkan di sini adalah penyelesaian masalah-masalah baru berasaskan kepada kaedah-kaedah di atas iaitu *ijtihad* dalam perkara-perkara cabang. Cuma yang agak berbeza adalah penekanan kepada prinsip *maslahah* dan *maqasid*. Dalam mazhab, perkara ini juga ada diamalkan sungguhpun tidak secara meluas. Sebagai contoh, semasa membincangkan larangan *tas'ir* (penetapan harga barangan) Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitabnya *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah* (hlmn. 257) menyatakan larangan berkenaan boleh ditinggalkan sekiranya terdapat *maslahah* mengikut pandangan sesetengah ulama. Kedua-dua prinsip ini merupakan rujukan utama kegiatan perbankan dan kewangan Islam masa kini yang telah banyak dianjurkan oleh sarjana-sarjana Islam masa kini kerana kemampuannya menyelesaikan banyak isu-isu semasa perbankan dan kewangan Syariah (Mohamad Hashim 2002).

Kaedah penetapan fatwa atau *istinbat* fatwa ini dikatakan gabungan dua kaedah yang digunakan oleh dua organisasi Islam terbesar di Indonesia iaitu (1) Muhammadiyah yang merujuk langsung kepada sumber-

sumber al-Quran dan al-Sunnah serta Tarjih pandangan ulama dan (2) Nahdatul Ulama yang merujuk kepada pandangan mazhab dan kaedah *qiyas* mazhab berkenaan dalam masalah yang tiada dinyatakan dalam mazhab.² Kaedah *istinbat* di Malaysia secara umumnya mengikut kaedah Nahdatul Ulama, namun berbeza dari segi mensyaratkan supaya rujukan kepada mazhab Syafi'i adalah diutamakan. Rujukan kepada mazhab sunni yang lain dibenarkan dalam keadaan untuk kepentingan umum (Ahmad Buang 2004). Ini jelas menunjukkan bahawa di Indonesia dalam jangka masa panjang hukum fiqh yang diputuskan melalui fatwa yang menggunakan kaedah ini adalah sesuatu yang mungkin unik kepada persekitaran Indonesia atau istilah yang dirujuk oleh sesetengah pengkaji Hukum Syariah Indonesia (Hooker 2008).

Prosedur penetapan fatwa dalam organisasi DSN-MUI dilakukan melalui sidang mesyuarat yang dikenali sebagai "rapat pleno" yang dihadiri oleh semua anggota DSN-MUI dengan wakil Bank Indonesia atau agensi kewangan yang berautoriti serta pihak industri seperti perbankan, insurans, pasar modal dan lain-lain yang mempunyai kepentingan dengan perkara yang dibahas sebagai ahli jemputan. Sebelum fatwa tersebut dibahas dalam rapat pleno, butiran masalah akan dibincangkan terlebih dahulu dalam satu jawatankuasa kerja DSN yang dikenali sebagai Badan Pelaksana Harian (BPH-DSN). Tujuan proses ini dilakukan adalah untuk memastikan bahawa deraf perbincangan dalam mesyuarat rapat pleno sudah dalam bentuk yang terakhir untuk persetujuan, sungguhpun terdapat juga keadaan deraf berkenaan dipinda bahkan ada juga yang ditolak. Pada umumnya deraf fatwa yang disediakan oleh BPH-DSN diterima dengan catatan kritis dari ahli rapat pleno. Setelah rapat pleno selesai, satu jawatankuasa perumus akan dibentuk bagi merumuskan fatwa berkenaan supaya sesuai dengan pendapat atau input yang diberikan dalam rapat pleno DSN-MUI.

PERUNDANGAN PERBANKAN SYARIAH DI INDONESIA

Usaha untuk mewujudkan perbankan syariah di Indonesia adalah dengan inisiatif kerajaan Indonesia melalui sebuah bengkel atau lokakarya tentang faedah bank pada 18–20 Ogos 1990, di Cisarua, Bogor, Jawa Barat. Bengkel ini diadakan lanjutan daripada beberapa cadangan untuk memperkenalkan perbankan syariah pada tahun 1988 ketika berlakunya polisi derelugasi sistem perbankan Islam oleh kerajaan Indonesia yang dikenali sebagai Paket Kebijakan Oktober atau PAKTO. Cadangan ini tidak berjaya kerana terdapat halangan perundangan yang tidak membenarkan bank tidak mengenakan bayaran faedah. Hasil lokakarya pada tahun 1990, perbincangan lebih mendalam segera dijalankan dalam Musyawarah Nasional IV MUI di Jakarta pada 22–25 Ogos 1990, yang menghasilkan resolusi bagi pembentukan jawatankuasa kerja bagi penubuhan bank Islam di Indonesia.

Kelompok kerja yang dinamakan “Tim Perbankan MUI” tersebut telah dipertanggungjawabkan untuk melakukan perbincangan dan perundingan dengan semua pihak yang berkaitan (Muhammad Syafi’i 2001). Hasilnya satu undang-undang mengenai perbankan telah digubal pada tahun 1992 yang memberi peluang kepada bank-bank di Indonesia untuk menawarkan produk berasaskan prinsip bagi hasil yang diperjelaskan sebagai berasaskan kepada Syariah. Pasal 6 huruf m undang-undang No.7/1992³ menyebut mengenai menyediakan “pembiayaan bagi *nasabah* (pelanggan) berdasarkan prinsip perkongsian untung rugi (bagi hasil) sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan dalam Peraturan Pemerintah”.

Pasal ini beserta penjelasannya tidak menggunakan istilah bank Islam atau bank syariah sebagaimana dipergunakan kemudian sebagai istilah rasmi dalam undang-undang Perbankan Indonesia. Peruntukan ini hanya memberi kebenaran kepada bank komersial untuk menawarkan produk “bagi hasil” sebagai tambahan kepada produk-produk perbankan yang sedia ada. Sungguhpun demikian peruntukan mengenai bank yang berasaskan syariah ini diperuntukkan dalam Peraturan Pemerintah No.70/1992 tentang Perbankan Umum pada Pasal 5 ayat (3) yang menyebut “bank umum yang beroperasi berdasarkan prinsip bagi hasil” dan di penjelasannya disebut “bank berdasarkan prinsip bagi hasil”. Begitu juga pada Pasal 6 ayat (2) Peraturan Pemerintah No.71/1992 tentang Bank Perkreditan Rakyat hanya menyebutkan “Bank Perkreditan Rakyat yang akan melakukan kegiatan usaha berdasarkan prinsip bagi hasil”.

Penggunaan istilah “bagi hasil” oleh peruntukan undang-undang No.7/1992 telah digunakan bagi mengelakkan kontroversi penggunaan perkataan Islam atau syariah dalam undang-undang Indonesia. Walaupun begitu istilah “bagi hasil” adalah menepati maksud sistem perbankan berasaskan syariah kerana ini adalah asas perbezaan dengan perbankan konvensional yang berasaskan kepada sistem bunga atau faedah. Sungguhpun demikian terdapat juga perkhidmatan perbankan syariah yang mengambil keuntungan dalam bentuk fi seperti upah (*ujrah*) dan margin keuntungan (atau *mark-up*). Oleh kerana itu, bank syariah juga dikenali atau disebut sebagai bank Islam (*Islamic bank*), bank tanpa bunga dan bank tanpa riba. Maksud peruntukan undang-undang yang menyebut “bank berdasarkan prinsip bagi hasil” merupakan istilah bagi bank Islam atau bank syariah, sebenarnya dihuraikan oleh Penjelasan Peraturan Pemerintah No.72/1992 Pasal 1 ayat (1) sebagai prinsip muamalat berdasarkan syariah dalam kegiatan dan operasi sesebuah bank. Hanya pada tahun 1998 istilah perbankan syariah telah digunakan secara tegas melalui undang-undang No.10/1998 pada Fasal 1, angka 4, 12 dan 13 sebagai bank syariah atau bank berdasarkan prinsip syariah.⁴ Undang-undang ini memansuhkan undang-undang No.7/1992.⁵ Sungguhpun undang-undang yang baru ini membuat beberapa peruntukan baru mengenai perbankan Islam, namun sebagaimana undang-undang

yang lama ia masih merupakan undang-undang yang terpakai kepada urusan perbankan secara umum sama ada perbankan Islam mahupun konvensional.

Undang-undang No.10/1998 tentang perbankan juga memperkenalkan beberapa peruntukan tambahan yang lebih spesifik menerangkan produk dan operasi perbankan syariah. Sebagai contoh Pasal 12 memperuntukan penerangan mengenai kredit atau pinjaman sebagai “pembiayaan berdasarkan prinsip syariah adalah penyediaan wang atau tagihan yang dapat dipersamakan dengan itu, berdasarkan persetujuan atau kesepakatan antara bank dengan pihak lain yang mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengembalikan wang atau tagihan tersebut setelah jangka waktu tertentu dengan imbalan atau bagi hasil”. Perbezaan utama dengan definisi kredit konvensional adalah perkataan kredit digantikan dengan perkataan pembiayaan berdasarkan prinsip syariah dan pengembalian wang (tagihan) dengan pulangan (imbalan atau bagi hasil). Peruntukan ini walau bagaimanapun diberi komen oleh sesetengah penulis kerana menghadkan maksud pembiayaan yang berasaskan prinsip syariah kerana tidak memasukkan model pembiayaan lain seperti *murabahah*, *salam*, *istisna'* dan *ijarah*.⁶ Pengertian ini dipengaruhi oleh amalan perbankan yang lebih banyak menerapkan model pembiayaan dengan sistem kredit atau kerana pada ketika itu pembiayaan berdasarkan prinsip Syariah hanya menggunakan sistem kredit.

Komen oleh penulis di atas mungkin tidak mengambil kira peruntukan-peruntukan lain yang menerangkan dengan lebih terperinci mengenai perbankan syariah. Sebagai contoh Pasal 1 ayat (13) undang-undang No.10/1998 memberi pengertian prinsip syariah sebagai aturan perjanjian berdasarkan hukum Islam antara bank dengan pihak lain untuk penyimpanan dana dan/atau pembiayaan kegiatan usaha, atau kegiatan lainnya yang dinyatakan sesuai dengan Syariah. Antara lain, pembiayaan berdasarkan prinsip *mudarahah* (perkongsian untung dan rugi atau bagi hasil), *musyarakah* (pembiayaan berdasarkan prinsip penyertaan modal), *murabahah* (prinsip jual beli barang dengan memperoleh keuntungan), *ijarah* (pembiayaan barang modal berdasarkan prinsip sewaan) dan *al-ijarah al-muntahiyah bi tamlik* (sewaan dengan pilihan pemilikan barang yang disewa dari pihak bank).

Selama ini, industri perbankan syariah di Indonesia adalah berlandaskan undang-undang umum mengenai perbankan yang membuat peruntukan bersama-sama dengan perbankan umum. Dengan perkembangan dan kemajuan pesat perbankan syariah satu undang-undang khusus mengenai perbankan syariah diperkenalkan melalui undang-undang No.21/2008 mengenai perbankan syariah pada 17 Jun 2008 (Lembaran Negara Republik Indonesia No.94/2008) dan undang-undang No.19/2008 mengenai Surat Berharga Syariah Negara atau Sukuk (Lembaran Negara Republik Indonesia No.70/2008). Kedua-dua undang-undang baru ini dikatakan sebagai satu strategi oleh Bank Pusat Indonesia untuk mensasarkan pemilikan aset perbankan

syariah di Indonesia sebanyak 5 peratus daripada jumlah keseluruhan aset perbankan. Strategi ini nampaknya tidak jauh daripada strategi Bank Negara Malaysia yang mensasarkan 20 peratus dari jumlah aset perbankan dalam Pelan Induk Kewangan Negara. Antara alasan-alasan lain penggubalan undang-undang baru ini adalah (1) kerana undang-undang lama belum cukup spesifik dan tidak mampu memenuhi keperluan operasi perbankan syariah, (2) untuk menjamin kepastian dalam aspek perundangan terutama kepada pihak berkepentingan khususnya industri dan pengguna, (3) memastikan keyakinan masyarakat terhadap produk dan perkhidmatan perbankan syariah dan dalam konteks undang-undang No.19/2008 bertujuan untuk membolehkan penubuhan syarikat amanah bertujuan khusus (atau *special purpose vehicle*, SPV) bagi penawaran sukuk.

ANALISIS UNDANG-UNDANG NO.21/2008 TENTANG PERBANKAN SYARIAH

Undang-undang No.21/2008 ini mempunyai 13 bab dan 70 pasal. Secara umumnya undang-undang baru ini adalah berbentuk pengawasan dan kawalan kepada penubuhan dan operasi bank. Dari segi ini, ia adalah hampir sama dengan Akta Bank Islam Malaysia 1983 (ABI). Hanya terdapat beberapa perbezaan daripada ABI iaitu mengandungi peruntukan yang menerangkan bentuk-bentuk produk dan akad yang digunakan, polisi mengenai penubuhan bank syariah, peranan sosial bank syariah, bidangkuasa mahkamah dan proses bagaimana fatwa diserapkan masuk ke dalam perundangan. Perkara-perkara ini akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam seksyen seterusnya.

MAKSUD PERBANKAN SYARIAH DAN KEWANGAN ISLAM

Pasal 1(7) menjelaskan maksud bank syariah adalah sebagai bank yang menjalankan kegiatan usahanya berdasarkan prinsip syariah. Maksud kegiatan usaha sesuatu bank itu dijelaskan pada Pasal 1(2) dengan menghimpunkan dana dari masyarakat dalam bentuk simpanan dan menyalurkannya kepada masyarakat dalam bentuk kredit dan/atau bentuk lainnya. Manakala apa yang dimaksudkan dengan syariah itu dijelaskan pula di Pasal 1 (12) sebagai prinsip hukum Islam dalam kegiatan perbankan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh lembaga yang memiliki autoriti dalam penetapan fatwa di bidang syariah. Sungguhpun di sini undang-undang baru tersebut menyempitkan kefahaman prinsip syariah kepada fatwa oleh badan yang mempunyai bidangkuasa, namun maksud penuh kegiatan usaha yang berasaskan syariah diberikan dalam Penjelasan undang-undang (hlmn. 39) berkenaan sebagai tidak mengandungi lima unsur ini iaitu (1) riba, (2) maisir, (3) gharar, (4) haram dan (5) zalim. Kesemua unsur ini diterangkan maksudnya oleh penjelasan undang-undang tersebut. Manakala

Penjelasan undang-undang No.19/2008 menerangkan makna kewangan Islam sebagai yang bersandarkan kepada prinsip moraliti dan keadilan iaitu bersifat adil, halal, tayyib dan maslahat serta bebas dari unsur riba, maisir, spekulasi, judi, motif keuntungan sema-mata (atau *profiteering*) dan *gharar*. Penerangan berkenaan adalah tidak banyak berbeza dengan apa yang terdapat dalam buku-buku fiqh muamalat. Namun begitu unsur zalim dalam Penjelasan undang-undang No.21/2008 diterangkan sebagai transaksi yang menimbulkan ketidakadilan bagi pihak lainnya adalah agak umum dan subjektif dan boleh ditafsirkan dari pelbagai persepektif.

Selain daripada itu Perbankan Syariah di Indonesia juga mempunyai asas, tujuan dan fungsi sosial. Pasal 2 dan 3 memperuntukkan bahawa selain berasaskan kepada prinsip syariah, kegiatan perbankan syariah hendaklah juga berasaskan kepada prinsip demokrasi ekonomi dan hikmah atau dengan pertimbangan (*prudence*) bagi tujuan pembangunan nasional dalam rangka meningkatkan keadilan, kebersamaan dan kesejahteraan rakyat. Penjelasan undang-undang menerangkan apa yang dimaksudkan dengan demokrasi ekonomi sebagai kegiatan ekonomi syariah yang mengandungi nilai keadilan, kebersamaan, kesamarataan dan kemanfaatan (hlmn. 39). Manakala maksud pertimbangan dalam kegiatan bank bermaksud ia hendaklah dikelolakan berdasarkan panduan yang selaras dengan undang-undang bagi mewujudkan sebuah bank yang sihat, kuat dan efisien (hlmn. 40). Di Malaysia perkara seperti ini telah mula diterapkan pada Julai 2011 melalui Garispanduan Governan Syariah Perbankan Islam 2011.

Dari sudut implementasi tujuan dan fungsi sosial ini Pasal 4 (2) dan (3) undang-undang No.21/2008 memperuntukkan bahawa bank syariah boleh berperanan sebagai sebuah baitulmal bagi menerima dana dalam bentuk zakat, *infaq*, sedekah, *hibah* atau dana sosial yang lain untuk disalur kepada organisasi pengelola zakat. Begitu juga bank syariah boleh menerima wakaf dalam bentuk wang dan menyalurkannya kepada pengelola wakaf sebagaimana yang dikehendaki oleh pembuat wakaf. Semua perkara ini menurut Pasal 4 (4) harus dibuat mengikut saluran undang-undang yang ditetapkan iaitu undang-undang yang berkaitan zakat dan wakaf sebagaimana yang berlaku di Indonesia. Perkara sebegini selain daripada wakaf juga telah lama berlaku di Malaysia. Perbezaannya, bank-bank Islam di Malaysia melakukannya secara perjanjian dengan pihak-pihak berwajib terutama dari segi kutipan wang zakat. Tiada peruntukan perundangan di Malaysia yang mewajibkan pihak perbankan Islam mengeluarkan zakat mengikut saluran perundangan yang ada seperti membayarnya kepada pihak berkuasa agama. Pembayaran zakat yang dibuat oleh pihak perbankan Islam adalah secara sukarela kepada pihak berkuasa agama. Terdapat juga keadaan di mana pihak bank mengagihkan sendiri sebahagian daripada zakatnya kepada asnaf yang layak.

PRODUK DAN AKAD PERBANKAN

Beberapa bentuk produk dan akad perbankan diberikan definisi melalui peruntukan undang-undang baru ini bagi menjelaskan dengan lebih lanjut apakah yang dimaksudkan dengan perbankan syariah. Sebagai contoh pada Pasal 1(13) “akad” diuraikan sebagai kesepakatan tertulis antara Bank Syariah atau Unit Usaha Syariah (UUS) dengan pihak lain yang memuat hak dan kewajiban setiap pihak selaras dengan prinsip syariah. Sebagaimana yang diketahui, perundangan baik Islam mahupun sivil umumnya mengiktiraf perjanjian dalam bentuk akad atau kontrak dan sama ada dibuat secara bertulis atau lisan. Undang-undang No.21/2008 bagaimanapun hanya mengiktiraf perjanjian atau persetujuan secara bertulis. Peruntukan ini menampakkan pengaruh undang-undang sivil negara-negara Arab yang mensyaratkan perjanjian tertentu dibuat secara bertulis. Pasal 1(16-19) memberi penerangan tentang maksud pelanggan atau “nasabah” iaitu sebagai seseorang yang menggunakan perkhidmatan bank. Pelanggan ini pula diterangkan dalam tiga kategori iaitu sebagai pendeposit, pelabur dan penerima fasiliti (kemudahan pembiayaan). Ini adalah bentuk-bentuk pelanggan bank secara konvensional yang diterimapakai oleh perbankan syariah. Manakala dari segi perkhidmatan atau bentuk perniagaan yang ditawarkan oleh perbankan syariah diterangkan oleh undang-undang ini di Pasal 1(20-25) merangkumi simpanan, tabungan, deposit, giro, pelaburan dan pembiayaan secara umum, manakala Pasal 19 dan 20 menerangkan bentuk-bentuk perniagaan ini secara lebih terperinci.⁷ Ini adalah juga produk atau bentuk perniagaan bank konvensional yang

diterimapakai oleh bank syariah kecuali undang-undang berkenaan turut menerangkan prinsip atau akad syariah yang digunakan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Dalam konteks pembiayaan, Pasal 1(25) turut memperuntukkan bahawa menjadi kewajipan pihak penerima fasiliti atau peminjam untuk mengembalikan dana yang diterima dalam jangka waktu tertentu sama ada dengan imbalan *ujrah* atau tanpa imbalan atau secara perkongsian hasil sebagaimana yang dipersetujui. Peruntukan ini mungkin tidak bersesuaian dengan prinsip akad *mudarabah* atau *musyarakah* yang mana pengusaha atau rakan kongsi tidak berkewajipan memulangkan dana yang diperolehi sekiranya berlaku kerugian. Namun begitu Pasal 39 memperuntukkan bahawa menjadi kewajipan pihak Bank untuk menjelaskan kepada pelanggannya kemungkinan berlakunya risiko kerugian. Di samping itu terdapat beberapa bentuk perkhidmatan yang tidak dinyatakan secara jelas prinsip yang digunakan seperti di Pasal 1(26) penerimaan cagaran/gadaian atau “agunan” sebagai jaminan kepada pinjaman dan Pasal 1(27) penyimpanan barangan (penitipan). Begitu juga pada Pasal 19(1)(h, j-n dan p), dan Pasal 19(2)(h, j-m dan n) terdapat beberapa bentuk perniagaan yang tidak diterangkan prinsip Syariah yang digunakan. Undang-undang ini juga membuat peruntukan mengenai kelayakan penggunaan dana bank di Pasal 23. Peruntukan ini dapat dilihat sebagai satu usaha untuk memastikan penggunaan prinsip Syariah ini tidak mengabaikan tanggungjawab bank supaya dana yang dikeluarkan dapat dikembalikan sama ada dengan keuntungan atau tidak.

JADUAL 1. Bentuk perniagaan (perkhidmatan) perbankan syariah

Bentuk Perniagaan	Prinsip Syariah/Akad	Produk Perbankan
Simpanan	<i>Wadi'ah</i>	Giro, tabungan
Tabungan	Simpanan – <i>Wadi'ah</i> Pelaburan – <i>Mudarabah</i>	Pengeluaran adalah terhad dan tertakluk kepada syarat-syarat.
Deposit	<i>Mudarabah</i>	Pelaburan dana dengan syarat pengeluaran yang terhad.
Giro	<i>Wadi'ah</i> dan lain-lain yang sesuai	Pengeluaran pada bila-bila masa seperti kemudahan cek, giro, perintah bayaran tetap dan lain-lain.
Pelaburan	<i>Mudarabah</i>	Deposit dan tabungan
Pembiayaan	<i>Mudarabah</i> dan <i>Musyarakah</i> <i>Ijarah Muntahiyah bi al-Tamlik</i> <i>Murabahah, Salam, Istisna'</i> <i>Qard</i> <i>Ijarah</i>	Pembiayaan berasaskan perkongsian untung rugi Pembiayaan secara sewa menyewa dan sewa beli Pembiayaan secara jual beli Pinjaman Islam Perkhidmatan perbankan
Pegangan kertas komersil bagi pihak pelanggan	<i>Wakalah</i>	Pasal 1(28)
Pindahan hutang	<i>Hawalah</i> ¹	Pindahan hutang
Pembelian, Penjualan dan Jaminan Surat Komersial	<i>Ijarah, musyarakah, mudarabah, murabahah, kafalah, hawalah</i>	
Wali Amanat	<i>Wakalah</i>	

Nota: ¹ Istilah yang digunakan di Malaysia adalah *hiwalah*. Tetapi, penggunaan istilah *hawalah* sebagaimana dalam undang-undang No.21/2008 ini adalah lebih tepat.

POLISI PENUBUHAN BANK SYARIAH

Sebagaimana lazimnya dalam mana-mana perundangan yang lain, penubuhan sesebuah bank memerlukan kelulusan dari pihak kerajaan yang dalam hal ini adalah pihak Bank Indonesia yang bertindak sebagai Bank Pusat. Pasal 5 undang-undang No.21/2008 antaranya membuat peruntukan tentang tatacara penubuhan bank Syariah seperti mendapat keizinan dari Bank Indonesia dan keperluan menggunakan nama “syariah” pada nama bank berkenaan. Perkara ini juga berlaku di Malaysia dengan disyaratkan nama *Skim Perbankan Islam* pada nama bank yang menawarkan produk perbankan dan kewangan Islam.⁸ Beberapa peruntukan telah dimasukkan oleh undang-undang baru ini bagi memperkukuhkan kedudukan sistem perbankan Syariah di Indonesia. Terdapat sekurang-kurangnya empat peruntukan yang berkaitan dengan perkara ini. Pertama adalah Pasal 5(7) dan (8) yang memperuntukkan bahawa bank konvensional yang telah bertukar menjadi bank syariah tidak boleh berubah menjadi bank konvensional semula. Peruntukan ini mungkin menggambarkan keadaan liberal amalan Islam di Indonesia sehingga perlu kepada undang-undang untuk menghalang pertukaran kembali bank Syariah yang asalnya konvensional kepada sistem perbankannya yang asal. Namun begitu persoalan mungkin timbul bagaimana pula dengan keadaan bank syariah yang asalnya ditubuh sebagai bank syariah bertukar menjadi bank konvensional kerana peruntukan Pasal 5(7) dan (8) di atas seolah-olah menyempit maksud pertukaran itu kepada bank konvensional sahaja.

Peruntukan kedua dalam Pasal 5(9) mensyaratkan penubuhan Unit Syariah atau yang dikenali sebagai Unit Usaha Syariah (UUS) di bank konvensional yang menawarkan perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam. Ketiga adalah apabila berlaku penggabungan antara bank konvensional dan bank syariah, maka hasil gabungan berkenaan hendaklah menjadi bank syariah. Perkara ini diperuntukkan di Pasal 17(2). Manakala yang terakhir adalah pada Pasal 68 yang menghendaki UUS bank konvensional melakukan proses pemisahan untuk menjadi bank penuh syariah apabila aset UUS berkenaan mencapai 50 peratus dari jumlah aset keseluruhan bank induknya atau telah beroperasi selama 15 tahun daripada tarikh berkuatkuasanya undang-undang No.21/2008. Empat peruntukan undang-undang di atas tidak syak lagi akan memberi kesan jangka panjang kepada perkembangan perbankan syariah di Indonesia terutama dari segi jumlah bank yang terlibat dan strategi untuk meningkatkan jumlah aset perbankan dan kewangan Islam di Indonesia yang ketika ini masih berada di tahap kurang daripada 5 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Insentif atau polisi memperkasakan perbankan Islam juga diambil oleh kerajaan Malaysia, namun bukan melalui pendekatan perundangan seperti di Indonesia. Proses pementapan sistem kewangan Islam di Malaysia

dilakukan melalui polisi pentadbiran dan kewangan yang bermula dengan penubuhan Skim Perbankan Tanpa Faedah pada tahun 1993. Skim ini diganti dengan Skim Perbankan Islam pada tahun 1997 yang kekal sehingga sekarang. Kedua-dua skim ini menyaksikan penubuhan dan pengukuhan Majlis Penasihat Syariah di peringkat Bank Negara Malaysia, yang mana perkembangan terkini adalah melalui peruntukan khusus seksyen 51-56 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan pengenalan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Untuk Institusi Kewangan Islam 2010 oleh Bank Negara Malaysia. Pengukuhan ini dimantapkan lagi dengan inisiatif Pusat Antarabangsa Kewangan Islam Malaysia (MIFC) yang dilancarkan pada Ogos 2006.

DEWAN PENGAWASAN SYARIAH

Mengikut undang-undang baru ini, setiap bank syariah dan UUS bank konvensional dikehendaki untuk menubuhkan satu jawatankuasa penasihat syariah yang dikenali sebagai Dewan Pengawasan Syariah. Perkara ini diperuntukkan pada Pasal 32 (1). Sebagaimana yang dinyatakan di atas, jawatankuasa ini adalah di peringkat institusi dan Pasal 32 (2) memperuntukkan supaya ahli-ahlinya dilantik melalui mesyuarat agung tahunan syarikat atas rekomendasi Majlis Ulama Indonesia. Bentuk pelantikan ini menyerupai amalan di negara Arab Timur Tengah. Jawatankuasa ini berfungsi untuk memberikan nasihat dan arahan agar amalan perbankan sentiasa selari dengan prinsip syariah serta melakukan pengawasan terhadap pematuhan syariah. Jawatankuasa ini adalah sama dengan bentuk jawatankuasa syariah yang disyaratkan dalam penubuhan perbankan Islam di Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam ABI.

Di Indonesia, keperluan terhadap penubuhan jawatankuasa penasihat Syariah bukan sahaja terhad kepada perbankan syariah bahkan kepada semua syarikat liabiliti berhad yang menjalankan kegiatan berasaskan syariah. Hal ini berasaskan kepada Pasal 109 undang-undang No.40/2007 tentang Perseroan Terbatas atau Syarikat Tanggungan Terhad. Perbezaannya undang-undang No.21/2008 memberi kuasa kepada Bank Indonesia untuk menentukan bentuk dan bilangan ahli jawatankuasa ini. Undang-undang No.40/2007 menetapkan sekurang-kurangnya seorang pakar syariah dilantik menjadi ahli Dewan Pengawasan Syariah. Keperluan secara perundangan melantik jawatankuasa syariah kepada syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan berasaskan syariah secara umumnya masih belum ada di Malaysia. Undang-undang hanya memperuntukkan pelantikan penasihat syariah kepada institusi kewangan yang diletakkan di bawah pengawasan pihak Bank Negara Malaysia mengikut seksyen 51-56 Akta Bank Negara 2009 dan seksyen 316(a-h) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2010. Di samping itu institusi kewangan Islam yang dilesenkan

di bawah Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 disyaratkan menubuhkan jawatankuasa penasihat syariah masing-masing bagi mengawasi dan menyelia operasi perbankan dan kewangan di peringkat institusi berkenaan. Walaupun begitu, sesetengah badan-badan perniagaan dan pelaburan di Malaysia menubuhkan jawatankuasa penasihat syariah secara sukarela seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) serta pelbagai syarikat koperasi Islam.

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Tidak dapat dipastikan apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Indonesia membuat pindaan undang-undang yang memberi bidang kuasa kepada Peradilan Agama mengendalikan kes-kes yang dikenali sebagai “ekonomi syariah” melalui Pasal 49 undang-undang No.3/2006 (Alfitri 2007/2008). Maksud istilah ekonomi syariah ini diuraikan pada nota bil.37 penjelasan undang-undang berkenaan sebagai “perbuatan atau kegiatan usaha yang dilaksanakan menurut prinsip syari’ah, antara lain meliputi: bank syari’ah; lembaga kewangan mikro syari’ah; asurans syari’ah; reasurans syari’ah; “reksa” dana syari’ah; obligasi syari’ah dan surat berharga berjangka sederhana syari’ah; sekuriti syari’ah; pembiayaan syari’ah; penggadaian syari’ah; dana pencen lembaga kewangan syari’ah; dan perniagaan syari’ah. Oleh yang demikian, skop bidang kuasa Peradilan Agama bukan sahaja terhad kepada perkara yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan bahkan juga meliputi dan melampaui kepada apa-apa sahaja perniagaan syariah. Definisi ini adalah sesuatu yang luas dan mungkin menyebabkan kesukaran dari segi pelaksanaan. Bagi mengelakkan perkara ini Mahkamah Agung Indonesia telah mengambil inisiatif menyusun satu Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (Abdul Mughits 2008) bagi kegunaan Peradilan Agama dalam perkara yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan syariah. Kompilasi ini telah dijadikan sebagai lampiran dalam Peraturan Mahkamah Agung Indonesia No.2/2008 yang mengandungi empat buku dan 796 pasal.

Mengikut penjelasan undang-undang No.3/2006, pindaan berkaitan dibuat berasaskan kepada perkembangan semasa di mana kedudukan Peradilan Agama sudahpun diletakkan di bawah pentadbiran Mahkamah Agung Indonesia sejak dari tahun 2004. Sebelum ini Peradilan Agama berada di bawah pentadbiran Departmen Agama, Republik Indonesia, sungguhpun dari segi hirarki mahkamah dan adjudikasi berada di bawah Mahkamah Agung. Peruntukan undang-undang ini kemudiannya diperkasakan lagi dengan Pasal 55 (1) undang-undang No.21/2008 yang menyatakan penyelesaian sengketa dalam soal perbankan syariah di bawah bidang kuasa Peradilan Agama. Pindaan ini juga ada kaitan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh MUI pada tahun 2004 yang mengharamkan kadar faedah perbankan konvensional sebagai satu bentuk riba *nasi’ah*. Fatwa itu

juga menyeru supaya masyarakat Islam menggunakan perkhidmatan perbankan Islam (Ari Kuncara & Siti Rochmah 2008).

Undang-undang No.3/2006 bukan sahaja memberi bidang kuasa dalam bidang perbankan syariah kepada Peradilan Agama, bahkan memperkukuhkan lagi aspek-aspek lain seperti pemansuhan pemilihan undang-undang dalam agihan pusaka orang-orang Islam dan membenarkan kes-kes yang berkaitan dengan tuntutan harta sesama pihak yang beragama Islam diputuskan di Peradilan Agama. Sebelum pindaan undang-undang ini, perkara berkenaan hendaklah diputuskan terlebih dahulu di Peradilan Negeri. Begitu juga dari segi maksud orang Islam yang dijelaskan sebagai pihak yang patuh kepada hukum Islam. Bil.37 penjelasan undang-undang No.3/2006 memperuntukkan bahawa “yang dimaksud dengan “antara orang-orang yang beragama Islam” adalah termasuk orang atau badan hukum yang dengan sendirinya menundukkan diri dengan sukarela kepada hukum Islam mengenai hal-hal yang menjadi kewenangan Peradilan Agama ...”. Ini bermakna orang atau badan yang bukan beragama Islam juga boleh diadili di Peradilan Agama. Keadaan ini tidak sama di Malaysia dan juga negara-negara Islam lain yang mengamalkan dualiti dalam sistem perundangan di mana Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ke atas orang-orang yang bukan beragama Islam. Di Malaysia secara khusus lagi dinyatakan dengan jelas oleh Akta Bank Negara 2009 bahawa perbicaraan dalam soal kewangan dan perbankan Islam terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Peruntukan di bawah Akta Bank Negara ini adalah berasaskan kepada tafsiran bahawa urusan perbankan, termasuk perbankan Islam, adalah terletak di bawah senarai persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia (Mohamed Ismail 2005).

Pindaan undang-undang No.3/2006 ini pada permulaannya mendapat bantahan dari sesetengah pihak di Indonesia yang mempertikaikan kewajaran Peradilan Agama sebagai forum penyelesaian pertikaian perbankan syariah. Oleh yang demikian semasa penggubalan undang-undang No.21/2008 perbahasan mengenai Pasal 55 memakan masa paling lama bagi mencari kompromi antara penentang dan penyokong cadangan supaya Peradilan Agama mempunyai bidang kuasa. Penentangan terjadi kerana terdapat persepsi yang menganggap bahawa konflik perbankan syariah adalah domain perniagaan, bukan agama. Oleh itu, ianya wajar diselesaikan di Peradilan Umum. Persepsi ini tidak mendapat sokongan pandangan umum masyarakat Islam Indonesia yang mendesak agar pihak kerajaan Indonesia mematuhi peruntukan undang-undang No.3/2006 yang memberi bidang kuasa kepada Peradilan Agama.⁹ Akhirnya satu kompromi telah diperoleh melalui peruntukan Pasal 55 (2) yang membolehkan pihak-pihak yang terlibat memilih penyelesaian di luar Peradilan Agama berasaskan kepada persetujuan pihak-pihak tersebut di dalam akad atau apa yang diperuntukkan

sebagai “penyelesaian dilakukan sesuai dengan isi akad”. Dalam penjelasan Pasal ini diterangkan bahawa yang dimaksud dengan penyelesaian ini adalah melalui musyawarah (perbincangan), mediasi perbankan, Badan Arbitrase Syariah Nasional (Basyarnas) atau lembaga timbangtara lain, melalui pengadilan dalam lingkungan Peradilan Umum. Kompromi ini adalah penyelesaian atau jalan tengah kepada pertentangan antara kumpulan-kumpulan yang menyokong dan membantah peruntukan Pasal 49 undang-undang No.3/2006 iaitu antara pihak yang menginginkan penyelesaian konflik melalui Pengadilan Umum dan masyarakat yang ingin supaya Pengadilan Agama diberi bidang kuasa serta pandangan atau fatwa MUI yang menetapkan bahawa penyelesaian sengketa dilakukan melalui Badan Arbitrase Nasional setelah persetujuan gagal dicapai melalui musyawarah (perbincangan) (Abdul Ghofur 2010). Di Malaysia, penyelesaian secara arbitrase atau timbangtara boleh dibuat melalui perjanjian. Jika semua pihak bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian secara timbangtara kaedah Pusat Abitrasi Serantau Kuala Lumpur 2007 (Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration, KLRCA) berkenaan Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan Islam akan terpakai.¹⁰ Pihak Bank Negara Malaysia telah mengiktiraf penyelesaian melalui timbangtara sejak dari tahun 2004 lagi (StarBiz 2004).

PERANAN FATWA MUI-DSN DALAM PERUNDANGAN PERBANKAN SYARIAH

Sebagaimana yang dinyatakan di atas bahawa MUI-DSN diberi peranan untuk mengawal selia kegiatan perbankan Islam di Indonesia di mana fatwa-fatwa Majlis Ulama Indonesia diserapkan ke dalam undang-undang No.21/2008. Peranan MUI dalam perundangan ini jelas diperuntukkan pada Pasal 1(12) yang menyebutkan bahawa prinsip syariah yang dimaksudkan adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh lembaga yang berautoriti dalam penetapan fatwa di bidang syariah. Sungguhpun Pasal ini tidak menyatakan dengan jelas maksud lembaga berkenaan, namun Pasal 26(1) menghendaki semua produk dan perkhidmatan perbankan syariah “wajib tunduk” kepada prinsip syariah dan apa yang dimaksudkan dengan prinsip syariah dijelaskan dalam pasal berikutnya (26(2)) sebagai fatwa yang dikeluarkan oleh MUI. Manakala penjelasan undang-undang No.21/2008 pada Perkara 1 menghuraikan bahawa MUI diberi peranan untuk mengatur dalam persoalan yang berkaitan dengan kepatuhan syariah. Perkara yang sama juga diperuntukkan di Pasal 25 Undang-undang No.19/2008 dan Penjelasan Undang-undang berkenaan di halaman 13. Peranan ini adalah melebihi daripada apa yang berlaku di negara-negara lain di mana fatwa hanya bertindak sebagai panduan. Penyerapan fatwa sebagai peruntukan undang-undang seterusnya pula bergantung kepada pelbagai keadaan.

Untuk menjadikan fatwa MUI sesuatu yang berautoriti

dari aspek perundangan negara kerana ianya mestilah terlebih dahulu dijadikan peruntukan undang-undang atau peraturan perbankan Indonesia yang mempunyai kekuatan undang-undang. Perkara ini diperuntukkan pada Pasal 26 (3) di mana satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Komite Perbankan Syariah (KPS) ditubuhkan oleh undang-undang pada Pasal 26 (4) yang berperanan untuk menetapkan fatwa yang dikeluarkan oleh MUI diserapkan ke dalam Peraturan Bank Indonesia. KPS adalah badan dalaman yang mana keanggotaannya mengikut keterangan dalam penjelasan undang-undang No.21/2008 terdiri daripada wakil-wakil Bank Indonesia, Jabatan Agama, dan anggota masyarakat dengan komposisi yang seimbang. Para anggota harus memiliki keahlian dalam bidang syariah dan berjumlah paling banyak 11 orang. Setakat kesemua fatwa yang dikeluarkan oleh DSN-MUI sebanyak 83 telah diserapkan ke dalam perundangan di Indonesia melainkan dua fatwa berkenaan laporan atau penyata akaun dan jualan langsung berteraskan syariah bagi perkhidmatan umrah.

Komite Perbankan Syariah seperti yang ditubuhkan melalui peruntukan undang-undang di atas sungguhpun diurusetiaikan oleh Bank Indonesia bukanlah badan pengeluar fatwa dalam perkara perbankan Syariah. Ia hanyalah sebahagian daripada proses kerja untuk menyerapkan fatwa yang telah diputuskan oleh MUI sebagai peraturan perbankan syariah Bank Indonesia. Badan yang bertanggungjawab sebenarnya adalah MUI yang mana penubuhannya adalah bersifat sebagai pertubuhan keagamaan tanpa resolusi atau kuasa perundangan. Sungguhpun begitu, badan ini sebagaimana yang dinyatakan di atas, mendapat pengiktirafan dan restu daripada kerajaan Indonesia sebagai mewakili suara rasmi Islam di Indonesia. MUI dalam menjalankan tanggungjawabnya mengeluarkan fatwa yang berkaitan dengan perbankan Syariah menubuhkan satu badan khas yang dikenali sebagai Dewan Syariah Nasional atau DNS. Keanggotaan badan ini terdiri daripada wakil-wakil Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang ditubuhkan melalui Pasal 32(1) undang-undang No.21/2008.

Autoriti MUI sebagai badan yang bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan pemantauan dan pengawasan kegiatan serta operasi institusi kewangan Islam di Indonesia mematuhi kehendak syariah diperuntukkan oleh Pasal 1(12) undang-undang No.21/2008 sebagai “prinsip syariah adalah prinsip hukum Islam yang dalam kegiatan perbankan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh lembaga yang memiliki kewenangan (autoriti) dalam penetapan fatwa di bidang syariah”. Maksud lembaga di dalam peruntukan itu dijelaskan oleh penjelasan undang-undang berkenaan di halaman 38 sebagai MUI.¹¹ Manakala DNS-MUI pula sungguhpun sudah ditubuhkan oleh MUI sejak dari tahun 1997 lagi, namun hanya mendapat pengiktirafan perundangan Indonesia secara rasmi pada tahun 2004 melalui Perintah Bank Indonesia No.6/24/PBI/2004.

Penetapan MUI menjadi satu-satunya lembaga yang berhak mengeluarkan fatwa tentang fiqh muamalah,

khususnya amalan perbankan syariah bukan sesuatu yang baru. Sejak penubuhan bank syariah di Indonesia fatwa MUI telah menjadi pedoman dalam kepatuhan syariah. Oleh yang demikian, undang-undang No.21/2008 hanya mengesahkan secara rasmi peranan MUI dalam memberi bimbingan dan dorongan terhadap perkembangan dan kemajuan perbankan syariah di Indonesia. MUI adalah badan yang sesuai untuk menerima tugas ini kerana aspek yang penting dalam sistem perbankan adalah penyelarasan dalam fatwa atau resolusi syariah. Jika peranan ini tidak ditetapkan oleh undang-undang di bawah tanggungjawab MUI dikhawatiri akan berlaku ketidakselarasan dalam amalan ekonomi syariah memandangkan di Indonesia terdapat banyak organisasi kemasyarakatan Islam yang masing-masing berhak mengeluarkan fatwa.

Jika diperhatikan, penyerapan fatwa MUI dalam undang-undang No.21/2008 boleh disimpulkan kepada (1) penjelasan maksud beberapa prinsip umum muamalat, (2) penggunaan bentuk-bentuk akad dalam produk perbankan dan kewangan dan (3) pengaruh fatwa dalam menentukan maksud peruntukan undang-undang serta rujukan kepada MUI. Peruntukan undang-undang No.21/2008 dalam konteks akad muamalat sebenarnya masih bersifat umum kerana tidak mengadakan apa-apa penjelasan secara terperinci terhadap maksud akad. Ia hanya membuat penjelasan bagaimana akad-akad berkenaan boleh digunakan dalam produk-produk perbankan dan kewangan. Dalam hubungan ini penjelasan undang-undang No.21/2008 telah menghuraikan maksud prinsip syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pasal 1 (12) dan definisi akad-akad yang terpakai dalam produk-produk kewangan sebagaimana dalam Pasal 19 dan 20. Huraian atau penjelasan yang diberikan itu tidak begitu jauh berbeza daripada yang terdapat dalam fatwa MUI dan semuanya berasaskan kepada definisi yang lazim terdapat dalam kitab-kitab fiqh secara umumnya. Ringkasan penyerapan fatwa-fatwa MUI dalam perkara ini dirumuskan seperti di dalam jadual di Lampiran. Walaupun begitu tidak semua peruntukan undang-undang tersebut mempunyai rujukan kepada fatwa kerana terdapat beberapa peruntukan yang belum difatwakan secara khusus oleh MUI seperti sekuriti jangka pendek dan jangka panjang yang dimasukkan ke dalam peruntukan undang-undang di Pasal 20. Walaupun demikian, secara umumnya jenis-jenis transaksi produk-produk ini telah ditetapkan dalam fatwa-fatwa MUI.

Penyerapan Fatwa MUI ke dalam undang-undang juga berlaku secara tidak langsung dalam menentukan hala tuju perbankan syariah. Sebagai contoh, peruntukan yang melarang bank Syariah daripada bertukar kembali menjadi bank konvensional dan UUS bank konvensional berpindah menjadi bank penuh syariah seperti yang dibincangkan di atas mempunyai pengaruh dan semangat syariah seperti *masalahah*. Hal ini tidak tersurat secara tegas dalam fatwa, namun is berasaskan kepada semangat ajaran Islam yang mengajarkan hal tersebut. Begitu juga badan fatwa MUI dikatakan mempunyai pengaruh menentukan maksud perkataan yang

digunakan dalam undang-undang. Contoh yang boleh ditunjukkan di sini adalah penentuan maksud perkataan “penyelesaian” sesuai dengan isi akad pada Pasal 55 (2) dikatakan ditentukan oleh MUI setelah melalui perbincangan dan perbincangan dengan pelbagai pihak. Begitu juga dengan maksud perkataan “prinsip akaun syariah” seperti dalam Pasal 35 (2) yang diuraikan dalam penjelasan sebagai standard akaun syariah yang ditetapkan oleh badan yang berkelayakan. Sudah pasti maksud standard akaun syariah ini akan ditentukan oleh Fatwa MUI.

KESIMPULAN

Peranan Majlis Penasihat Syariah dalam perbankan dan kewangan Islam atau syariah di kebanyakan negara hanya setakat hanya bertindak sebagai pengesahan dan perakuan produk-produk perbankan dan kewangan patuh syariah dan tidak mempunyai elemen yang bertentangan dengan Islam. Sungguhpun peranan ini sudah berubah dan semakin bertambah terutama dari aspek pemantauan dan pengauditan, namun perundangan baru perbankan syariah di Indonesia nampaknya telah mendahului satu langkah ke hadapan dengan mengangkat status fatwa majlis berkenaan sebagai sebahagian daripada perundangan setelah melalui proses penyelarasan di peringkat Komite Perbankan Syariah Bank Indonesia. Pendekatan sedemikian di Indonesia banyak dipengaruhi oleh latar belakang politik dan sosial serta struktur perundangan. Dari segi metodologi pengeluaran fatwa dalam masalah perbankan dan kewangan, MUI mengikut kaedah-kaedah yang lazim diikuti oleh Majlis Penasihat Syariah perbankan dan kewangan Islam yang lain, iaitu mengambil asas-asas dari sumber perundangan Islam di samping menimbang fatwa-fatwa mazhab dengan memberi penekanan kepada *masalahah*. Oleh yang demikian fatwa-fatwa yang berkaitan dengan produk-produk kewangan dan perbankan tidaklah banyak bezanya daripada negara-negara lain, terutama negara-negara Timur Tengah. Dalam konteks ini resolusi-resolusi syariah Majlis Kebangsaan Penasihat Syariah Perbankan Islam dan Takaful Bank Negara Malaysia mungkin lebih terkehadapan dan berinovasi (“Islamic Finance Rising Star” 2010). Hal ini tidak menghairankan kerana sistem perbankan dan kewangan Islam di Indonesia adalah masih baru jika berbanding dengan Malaysia dan negara-negara lain.

Sungguhpun demikian kerajaan Indonesia telah meletakkan beberapa asas dan struktur perundangan yang kondusif bagi perkembangan masa hadapan. Antara perbezaan ketara berbanding dengan negara-negara yang menawarkan sistem perbankan Islam adalah memberi bidang kuasa mengendalikan kes-kes perbankan dan kewangan Syariah kepada Peradilan Agama. Perkara ini pada sesetengah penganalisis mungkin mempunyai kesan negatif terutama kepada pelabur luar yang mungkin merasa khuatir dengan kemampuan Peradilan Agama. Setakat ini belum terdapat isu besar yang timbul

daripada pemberian bidang kuasa ini. Namun begitu dari segi perspektif perundangan Islam, pengendalian kes-kes kewangan dan perbankan syariah oleh Peradilan Agama akan membolehkan undang-undang syariah berkembang dengan lebih baik lagi kerana mendapat pertimbangan daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan Islam. Dari segi ini undang-undang baru No.21/2008 di Indonesia telah memberi peranan yang positif kepada kedua-dua Badan Fatwa dan Peradilan Agama dan perkara ini seharusnya menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain yang mempunyai sistem perundangan yang bersifat dualiti.

NOTA

- 1 Mazhab Syafi'i menggunakan istilah *ta'adul* bagi menunjukkan pertentangan dalil. Lihat Muhammad Abu Nur Zuhayr (tt).
- 2 Kedua-dua organisasi ini mempunyai jawatankuasa fatwa masing-masing iaitu Majlis Tarjih Muhammadiyah dan Lembaga Bahtsul Masail Nahdlatul Ulama. Untuk bacaan latar belakang sejarah organisasi ini lihat Noer (1973) manakala untuk perbincangan mengenai metodologi fatwa lihat Hooker (2003). Untuk penerangan lanjut lihat Ahmad Hidayat Buang (2004). Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia..
- 3 Lembaran Negara Tahun 1992 No. 31, tambahan Lembaran Negara No. 3472.
- 4 Lembaran Negara Republik Indonesia No.182/1998, tambahan Lembaran Negara Republik Indonesia No.3790.
- 5 Perkembangan yang berlaku di Indonesia adalah secara kebetulan apa yang berlaku di Malaysia berdasarkan kepada alasan yang sama pada sistem perbankan tanpa faedah yang diperkenalkan pada 1993 telah diganti dengan sistem perbankan Islam pada tahun 1998. Lihat perbincangan lanjut dalam Ahmad Hidayat (1998).
- 6 Pembetulan mengenai ketakselarian PBI ini juga dipaparkan oleh Adi Warman (2004).
- 7 Penerangan yang sama diberikan dalam Undang-undang No.19/2008 Tentang surat berharga syariah negara (sukuk) iaitu maksud akad - Pasal 1 (5), *Ijarah* - Pasal 1 (6), *Mudarabah* - Pasal 1 (7), *Musyarakah* - Pasal 1 (8) dan *Istisna'* - Pasal 1 (9).
- 8 Para 7.8 dan Apendiks IV Garis Panduan mengenai Skim Perbankan Islam BNM/RH/GL001-27
- 9 Surat-surat protes dan cadangan agar pertelingkahan diselesaikan melalui Peradilan Agama disampaikan oleh beberapa MUI wilayah di Indonesia, Fakultas Hukum Universitas Indonesia, Nahdlatu Ulama Jawa Timur dan Riau serta lain-lain. Lihat dokumentasi Departmen Hukum dan Hak Asasi Manusia, Republik Indonesia.
- 10 KLRCA yang ditubuhkan pada tahun 1978 adalah sebuah badan bukan keuntungan dan bukan kerajaan bertaraf antarabangsa yang bernaung di

bawah Organisasi Perundingan Perundangan Asia-Afrika (atau Asian-African Legal Consultative Organisation, AALCO). Seksyen 34 (1-2) Akta Timbangtara 1952 mengecualikan pemakaian Akta berkenaan bagi mana-mana KLRCA yang menggunakan peraturannya sendiri dalam penyelesaian kes timbangtara (Powell-Smith 1995; Ahmad Suhaimi 2009).

- 11 Teks penuh penjelasan undang-undang berkenaan berbunyi "sebagai undang-undang yang khusus mengatur perbankan syariah, dalam undang-undang ini diatur mengenai masalah kepatuhan syariah (syariah compliance) yang kewenangannya berada pada Majelis Ulama Indonesia(MUI) yang direpresentasikan melalui Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang harus dibentuk pada masing-masing Bank Syariah dan UUS. Untuk menindaklanjuti implementasi fatwa yang dikeluarkan MUI ke dalam Peraturan Bank Indonesia, di dalam internal Bank Indonesia dibentuk komite perbankan syariah, yang keanggotaannya terdiri atas perwakilan dari Bank Indonesia, Departemen Agama, dan unsur masyarakat yang komposisinya berimbang."
- 12 Terdapat sekurang-kurangnya empat badan utama pengeluar fatwa di Indonesia iaitu Persatuan Islam, Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama dan Majelis Ulama Indonesia. Fatwa yang dikeluarkan oleh badan-badan ini adalah berbeza antara satu sama lain khususnya yang berkaitan dengan jantina, sains moden, kewajipan agama dan metodologi fatwa (Hooker 2003).

RUJUKAN

- Abdul Ghofur Anshori. 2010. *penyelesaian sengketa perbankan syariah: analisis konsep dan UU No.21/2008*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Abdul Mughits. 2008. *Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (KHES) dalam Tinjauan Hukum Islam*. Edisi Ke-8. al-Mawarid.
- Adi Warman A Karim. 2004. Kegamangan regulasi perbankan Syariah. *Republika Online* 28 (Jun).
- Ahmad Hidayat Buang. 1998. Muamalah Islam di mahkamah-mahkamah Malaysia. Dlm. *Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia* disunting oleh Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, UM.
- Ahmad Hidayat Buang, sunt. 2004. *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, UM.
- Ahmad Suhaimi Yahya. 2009. Isu-isu syariah dalam menjadikan perundangan sivil sebagai rujukan bagi kewangan Islam, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam, Kuala Lumpur.
- Alfitri. 2007/2008. Expanding a formal role for Islamic law in the Indonesian legal system: the case of

- mu'amalat. *Journal Law and Religion* 23(1): 249-270.
- Anonymous. 2010. Malaysia: Islamic finance rising star. *Emerging Markets Monitor* (November).
- Ari Kuncara Widagdo & Siti Rochmah Ika. 2008. The interest prohibition and financial performance of Islamic bank: Indonesian evidence. *International Business Research* 1(3): 98-99.
- Hooker, M. B. 2003. *Indonesia Islam: Social Change through Contemporary Fatawa*. Honolulu: University of Hawaii Press and Allen & Unwin.
- Hooker, M. B. 2008. *Indonesian Syariah: Defining a National School of Islamic Law*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t.). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*. Beirut: ar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohamad Atho Mudzhar. 1993. *Fatwa-Fatwa Majlis Ulama Indonesia*. Jakarta: INIS.
- Mohamad Hashim Kamali. 2002. *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers.
- Mohamed Ismail Mohamed Shariff. 2005. The legislative jurisdiction of the federal parliament in matters involving Islamic law. *MLJ*: cv-cvi.
- Muhammad Abu Nur Zuhayr. t.t. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiyah.
- Muhammad Khudari Bik. 1938. *Usul al-fiqh*. Kaherah: Matba'ah al-Istiqamah.
- Muhammad Syafi'i Antonio. 2001. *Bank syari'ah, dari teori ke praktek*. Jakarta: Gema Insani Pres & Tazkia Cendekia.
- Mukherjee, A. 2008. Indonesia's legal snags stymie Islamic finance, *Bloomberg News*, May 8, 2008. Diakses dari <http://www.bloomberg.com/.../news?>.
- Noer, D. 1973. *The Modernist muslim movement in Indonesia 1900-1942*. Singapura: Oxford Universiti Press
- StarBiz*, 26 Ogos 2004.
- Vernados, A. M. 2006. *Islamic Banking and Finance in Southeast Asia: Its Development and Future*. New Jersey: World Scientific
- Yusuf al-Qaradawi. 1981. *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zulkifli Hassan. 2010. Sharia governance in Islamic financial institutions and the effect of the Central Bank of Malaysia Act 2009. *Journal of International Banking Law and Regulation* 25:105-108.
- Ahmad Hidayat Buang (corresponding author)
Jabatan Syariah dan Undang-Undang
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
E-mel: hidayat.buang@gmail.com
- M. Cholil Nafis
Pusat Studi Timur Tengah
Universitas Indonesia, UI Kampus Depok 16424
Indonesia
E-mel: nafismdr@yahoo.com

LAMPIRAN
RINGKASAN PENYERAPAN FATWA MUI KE DALAM PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG NO.21/2008 DAN PENJELASAN
UNDANG-UNDANG

Peruntukan	Undang-Undang Penjelasan dan Perkara	Fatwa MUI
Pasal 1 (12) dan Pasal 2 Pasal 19 (1) (a)	Hlmn. 39: Maksud prinsip Syariah Hlmn. 43: Definisi akad <i>wadi'ah</i> dalam simpanan (giro, tabungan dan sebagainya)	- (1) FDSN No. 01/DSN-MUI/IV/2000 tentang Giro (2) FDSN No. 02/DSN-MUI/IV/2000 tentang tabungan
Pasal 19 (1) (b)	Hlmn. 43: Definisi akad <i>mudharabah</i> dalam investasi (deposit, tabungan dan sebagainya)	FDSN No. 03/DSN-MUI/IV/2000 tentang deposit
Pasal 19 (1) (c)	Hlmn. 44: Definisi akad <i>mudharabah</i> dalam pembiayaan	-
Pasal 19 (1) (c)	Hlmn. 44: Definisi akad <i>musyarakah</i> dalam pembiayaan	FDSN No. 08/DSN-MUI/IV/2000 tentang pembiayaan musyarakah
Pasal 19 (1) (d)	Hlmn. 44: Definisi akad <i>murabahah</i> dalam pembiayaan	FDSN No. 04/DSN-MUI/IV/2000 tentang murabahah
Pasal 19 (1) (d)	Hlmn. 44: Definisi akad <i>salam</i> dalam pembiayaan	FDSN No. 05/DSN-MUI/IV/2000 tentang jual beli salam
Pasal 19 (1) (d)	Hlmn. 44: Definisi akad <i>istisna'</i> dalam pembiayaan	FDSN No. 06/DSN-MUI/IV/2000 tentang istishna' (<i>sic</i>)
Pasal 19 (1) (e)	Hlmn. 45: <i>Qard</i>	Fatwa Dewan Syariah Nasional No. 19/DSN-MUI/IV/2001 tentang al Qardl

Pasal 19 (1) (f)	Hlmn. 45: <i>Ijarah dan ijarah muntahiyah bi al-tamlik</i>	(1) FDSN No. 09/DSN-MUI/IV/2000 tentang pembiayaan ijarah (2) FDSN No. 27/DSN-MUI/III/2002 tentang al ijarah al muntahiyah bi al tamlik
Pasal 19 (1) (g)	Hlmn. 45: <i>Hawalah</i>	FDSN No. 12/DSN-MUI/IV/2000 tentang hawalah
Pasal 19 (1) (i)	Hlmn. 45 <i>Kafalah</i>	FDSN No. 11/DSN-MUI/IV/2000 tentang kafalah
Pasal 19 (1) (o)	Hlmn. 46 <i>Wakalah</i>	FDSN No. 11/DSN-MUI/IV/2001 tentang wakalah
Pasal 19 (1) (h)	Kad Debit	FDSN No. 54/DSN-MUI/X/2006 tentang kad syariah
Pasal 19 (1) (h)	Kad Pembiayaan	Fatwa No. 42/DSN-MUI/V/2004 tentang kad caj syariah
Pasal 19 (1) (n)	Surat kredit (<i>Letter of Credit</i>)	FDSN No. 34/DSN-MUI/IX/2002 tentang surat kredit (L/C) import syariah
Pasal 19 (1) (n)	Surat kredit	Fatwa No. 35/DSN-MUI/IX/2002 tentang surat kredit (L/C) eksport syariah
Pasal 19 (1) (n)	Surat kredit	Fatwa No. 57/DSN-MUI/V/2007 tentang surat kredit (L/C) dengan akad kafalah bi al ujah
Pasal 20 (1) (e)	Pasaran modal	FDSN No. 40/DSN-MUI/X/2003 tentang pasaran modal dan pedoman umum penerapan prinsip syariah dalam bidang pasar modal
Pasal 20 (1) (e)	Pasaran modal	(1) FDSN No. 37/DSN-MUI/X/2002 tentang pasaran wang antara bank berdasarkan prinsip syariah (2) FDSN No. 20/DSN-MUI/IV/2001 tentang pedoman pelaksanaan investasi untuk reksadana syariah

Nota: Singkatan FDSN untuk Fatwa Dewan Syariah Nasional

